

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Hanya 3 negeri catat lebih 100 kes

PUTRAJAYA: Malaysia kelmarin merekodkan penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 1,586 kes berbanding Jumaat, 1,841 kes dan diatasi 2,185 kes sembuh.

Berdasarkan laporan di laman web, <https://covidnow.moh.gov.my> semalam, Selangor mencatatkan kes positif harian tertinggi iaitu 756 kes diikuti Kuala Lumpur (297), Pulau Pinang (110), Perak (92), Negeri Sembilan (80) dan Sabah (55).

Ini diikuti Melaka (44), Johor (34), Putrajaya (33), Kedah (31), Sarawak (25), Pahang (15), Terengganu (7), Kelantan (5), Perlis (5) dan Labuan, dua kes.

Pesakit Covid-19 yang masih dirawat menurun kepada 417 orang berbanding Jumaat, seramai 500 orang.

Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam kekal merekodkan 27 orang bersamaan jumlah pada Jumaat.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan kekal merekodkan 17 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, tiada kluster baharu direkodkan manakala sebanyak empat kluster yang masih aktif sekali gus menjadikan 7,014 keseluruhan kluster.

Dalam perkembangan melibatkan kematian, satu kes dilaporkan menjadikan dan jumlah terkini sebanyak 35,681 kes.

Selain itu, tiada kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) dan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 7,559 kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Malaysia ketuai kajian ubat denggi

Kerjasama dengan negara membangun bagi merawat pesakit berdepan komplikasi teruk

Oleh Nurallawati Sabri
bhnews@bh.com.my

Melaka: Malaysia akan mengetahui beberapa negara membangun lain, termasuk Brazil dan India dalam menjalankan kajian dan ujian klinikal bagi mengenal pasti ubat-ubatan yang boleh di-

gunakan untuk merawat denggi. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ujian klinikal itu juga akan dijalankan di negara ini di bawah Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM).

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah selesai mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dan ujian itu dijangka dimulakan beberapa bulan lagi.

"Malaysia akan mengetahui, bersama Brazil, India dan juga beberapa negara membangun lain dan kita bagi tempoh antara enam hingga satu tahun bagi membolehkan ujian klinikal ini dijalankan.

"Kita bersama Drug For Neglected Diseases Initiative (DN-DI) sedang bekerjasama dengan beberapa negara lain untuk lihat



Khairy (dua dari kiri) dan Sulaiman (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Agenda Nasional Malaysia Sihat dan Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 'Perangi Aedes' Peringkat Kebangsaan, di Bandar Hilir, semalam.

(Foto Nurallawati Sabri /BH)

kepada beberapa ubat-ubatan yang sebelum ini digunakan untuk penyakit lain sama ada boleh digunakan untuk merawat denggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Agenda Nasional Malaysia Sihat (AMNS) dan Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 'Perangi Aedes' Peringkat Kebangsaan, di

Bandar Hilir, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali. Yang turut hadir, EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh serta Pengarah Kesihatan Melaka, Dr Rusdi Abd Rahman.

Khairy berkata, sekiranya ujian klinikal itu berjaya dan boleh digunakan untuk merawat denggi, pesakit tidak lagi berdepan

dengan komplikasi yang teruk.

"Ubat-ubatan ini sekarang digunakan untuk penyakit lain, jika ia berkesan kita akan bawa supaya boleh didaftar sebagai ubat-ubatan yang boleh digunakan untuk denggi.

"Sekiranya boleh digunakan dan didapati selamat serta berkesan maka kita akan gunakan di hospital dan klinik di negara ini," katanya.